



Dokumentasi lawatan untuk penyelidikan

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mendokumentasikan semua lawatan membabitkan penduduk kampung dan masyarakat Orang Asli bagi tujuan memberi maklumat tambahan kepada penyelidik amnya dan penuntut khususnya.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai universiti, tugas penuntut bukan sahaja mengadakan lawatan kemasyarakatan malah melakukan kajian untuk pembangunan pendidikan dan sosial.

"UMP bukan sahaja satu pusat pembelajaran tetapi sebagai Institusi Pengajian Tinggi, setiap lawatan perlu mendapat manfaat yang boleh disimpan sebagai maklumat," katanya selepas Majlis Penyerahan Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, 2008/2009 di Bilik Mesyuarat Senat, universiti itu, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sabaruddin Mohd; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Rosli Mohd Yunus dan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Abdul Jalil Borham.

Menurutnya, bagi mencapai tujuan itu, UMP bersedia mengeluarkan perbelanjaan untuk menerbitkan buku hasil daripada pengalaman penuntut dan tenaga pengajarnya selain memberi informasi kepada penyelidik lain.

Daing berkata, sehingga kini UMP sudah mengadakan lawatan di beberapa kawasan kampung dan pedalaman termasuk Kampung Medang, Kuala Lipis; Kampung Bukit Puchong, Bera dan Kampung Balok, Kuantan.

Katanya, perlantikan UMP sebagai Pengerusi Rakan Muda Wawasan Desa di peringkat zon Timur turut memberi peluang kepada penuntut mengadakan lawatan di beberapa kawasan pedalaman di Pahang.

Daing berkata, melalui program berkenaan dapat menggalakkan penuntut berhubung dengan masyarakat terutama Orang Asli di negeri ini.

Beliau turut mengalu-alukan perubahan kepimpinan MPPUMP dan berharap dapat melakukan perubahan dengan perundingan bersama pengurusan universiti.